KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **22 JULAI 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 18

# Aplikasi 'Price Catcher' salur maklumat kenaikan harga

**Cyberjaya:** Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, menggesa ahli Komuniti MADANI memuat turun aplikasi 'Price Catcher' bagi membantu Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menangani masalah kenaikan harga barang yang mendadak.

Beliau berkata, melalui aplikasi itu, pengguna boleh membuat perbandingan harga dengan mudah dan sekiranya mereka mengesan kenaikan mendadak ke atas harga barangan tertentu, Komuniti MADANI boleh memaklumkan kepada pegawai penerangan daerah yang bertugas di komuniti masing-masing.

"Maklumkan di tempat masing-masing apa produk yang ada, apa kesukaran, supaya kita boleh bekerjasama dengan KPDN untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga barang.

"Inilah antara fungsi dan tugas kita sebagai komuniti MADANI," katanya dalam pertemuan dengan kira-kira 2,000 ahli Komuniti MADANI dalam satu sesi bersempena majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, di sini semalam.

Aplikasi Price Catcher yang dibangunkan oleh KPDN itu memaparkan harga 480 barang terpilih di pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit yang dipantau.

## 6 kategori barang dipantau

Terdapat enam kategori barangan yang dipantau iaitu barang segar, barang kering, barang berbungkus, susu dan barang bayi, produk kebersihan serta minuman.

Fahmi turut berharap Komuniti MADANI yang juga badan sukarela membabitkan pelbagai kaum dan latar belakang itu dapat memainkan peranan lebih serius dalam memantau harga barang, terutama selepas kenaikan gaji penjawat awam pada Disember nanti.

Komuniti MADANI yang ditadbir urus Jabatan Penerangan Malaysia ditubuhkan sejak Jun tahun lalu, berperanan membantu menggerakkan komunikasi kerajaan dengan lebih berkesan.

Program Pemukiman Komuniti MADANI adalah program bicara-wara secara santai dalam memperkasakan kefahaman, dasar, inisiatif, hala tuju dan strategi kerajaan dengan menghimpunkan ahli Komuniti MADANI di Semenanjung.

Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 yang berkonsepkan karnival rakyat itu bermula pada jam 9 pagi hingga 4.30 petang, dengan pelbagai program disediakan bagi mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat menuju Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2024.

BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 16

Pengguna boleh buat perbandingan harga setiap barangan

# Bantu pantau harga barang guna *price catcher*

**CYBERJAYA** – Pengguna diminta untuk memuat turun aplikasi *Price Catcher* bagi membantu Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengesan kedai atau peniaga yang mengenakan harga jualan terlalu tinggi.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dalam masa sama turut menggesa ahli Komuniti Madani berbuat tindakan sama agar dapat memaklumkan kepada pegawai penerangan daerah yang bertugas di komuniti masing-masing sekitranya mengesan kenaikan harga barang secara mendadak.

Katanya, melalui aplikasi itu juga membolehkan pengguna membuat perbandingan harga bagi setiap pilihan barangan yang dicari.

"Maklumkan di tempat masing-masing apa produk yang ada, apa kesukaran, supaya kita boleh bekerjasama dengan KPDN untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga barang.

"Inilah antara fungsi dan tugas kita sebagai Komuniti Madani," katanya dalam pertemuan dengan kira-kira 2,000 ahli Komuniti Madani dalam satu sesi bersempena majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, di sini semalam.

Aplikasi *Price Catcher* yang dibangunkan oleh KPDN itu memaparkan harga 480 barangan terpilih di pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit yang dipantau.

Terdapat enam kategori barangan yang dipantau iaitu barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus, susu dan barangan bayi, produk kebersihan serta minuman.

Dalam pada itu, Fahmi berharap Komuniti Madani yang juga badan sukarela membabitkan pelbagai kaum dan latar belakang itu dapat memainkan peranan lebih serius dalam memantau harga barang, terutama selepas kenaikan gaji penjawat awam pada Disember nanti.

Komuniti Madani yang ditadbir urus Jabatan Penerangan Malaysia ditubuhkan sejak Jun tahun lepas, berperanan membantu menggerakkan komunikasi kerajaan dengan lebih berkesan.




APLIKASI Price Catcher boleh dimuat turun melalui telefon bimbit pengguna.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 1

# TANPA GULA, HARGA KURANG 10 SEN

- Sebanyak 3,500 rangkaian restoran di bawah Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) seluruh negara bersetuju mengurangkan harga sebanyak 10 sen bagi segelas minuman teh O dan kopi O tanpa gula, tidak kira sama ada panas atau ais.
- Naib Presiden Presma, Abdul Mukthahir M Ibrahim berkata, ia merupakan langkah permulaan bagi menyokong kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' yang bakal dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak lama lagi, malah mungkin akan dikembangkan kepada minuman lain pula selepas ini.
- Persetujuan itu dicapai selepas sesi libat urus Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh bersama persatuan restoran dan wakil industri bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan pemakanan sihat melalui pengurangan gula dalam diet harian.




MUKA 2 & 3

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 2

3,500 restoran sahut kempen Kurang Gula, Kurang Harga libatkan teh O dan kopi O

EKSKLUSIF

# Harga minuman tanpa gula turun 10 sen

SHAH ALAM

Sebanyak 3,500 rangkaian restoran di bawah Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) seluruh negara bersetuju menurunkan harga sebanyak 10 sen untuk minuman teh O dan kopi O tanpa gula selaras dengan kempen Kurang Gula, Kurang Harga yang bakal dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Naib Presiden Presma, Abdul Mukthahir M Ibrahim berkata, tawaran harga tersebut akan dilaksanakan serentak apabila kempen tersebut dijangka bermula dua minggu lagi.

Menurut beliau, dua menu berkenaan dipilih untuk peringkat permulaan, dan akan dikembangkan kepada menu-menu lain mengikut kesesuaian kos semasa.

"Untuk minuman bersusu, sekiranya kita kurangkan manis, kita akan kurangkan penggunaan susu pekat, tetapi perlu menambah penggunaan susu cair yang kosnya lebih tinggi daripada susu pekat. Sama juga jika milo O, kita perlu tambah milo, jadi tak sesuai untuk laksanakan (pengurangan harga).

"Untuk peringkat awal, kita bersetuju kurangkan harga 10 sen untuk teh O dan kopi O kosong (tanpa gula), tidak kira sama ada untuk minuman panas atau ais.

"Kami juga ada cadangkan kepada kementerian supaya lebih baik buat kempen *Say No to Sugar* (Katakan Tidak Kepada Gula) berbanding kurangkan gula. Tapi tak pasti apa ketetapan akhir yang akan dibuat nanti," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Harga segelas teh O dan kopi O di restoran sekarang adalah sekitar RM1.40 hingga RM1.80, manakala harga gula pasir ialah RM2.85 sekilogram.

Segelas teh O dan kopi O memerlukan kira-kira 17.5 gram atau 3.5 sudu teh gula.

Ditanya kemungkinan pengurangan 10 sen tidak memberi impak besar terhadap kesedaran pengguna dalam mengurangkan gula dalam minuman, Abdul Mukthahir berkata, pengurangan harga tersebut memadai buat masa ini setelah keuntungan mereka sebelum ini agak terjejas apabila tidak menaikkan harga jualan meskipun terpaksa menanggung kos bahan mentah yang semakin naik.

Sehubungan itu, pihaknya akan mengadakan perbincangan lanjut bersama KPDN bagi mengenal pasti mekanisme sesuai, termasuk bantuan yang boleh diberikan kerajaan jika mahu menambah lebih banyak menu dalam kempen berkenaan.

"Kalau kira kos barangan, semua dah naik harga sebanyak beberapa kali dalam tahun ini. Tapi kita disyorkan (oleh kerajaan) agar tidak naikkan harga jualan walaupun keuntungan terjejas.

"Jangan kalau harga barang naik, kita tak boleh naik harga, tapi bila kempen begini kami diminta turunkan harga pula. Bila disuruh turunkan harga, bermakna kami akan alami kerugian," katanya.

Terdahulu pada Sabtu, Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, kempen Kurang Gula, Kurang Harga akan diperkenalkan dalam masa terdekat bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan mengurangkan pengambilan gula dalam diet harian.

Fuziah berkata, beliau telah mengadakan sesi libat urus bersama persatuan restoran dan wakil industri bagi merangka kempen tersebut.

Antara yang terlibat dalam sesi libat urus itu ialah Presma, Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (Primas) dan Persatuan Am Pemilik Kedai Kopi Malaysia Singapura (MSCSPGA).

"Inisiatif ini dirangka khusus bagi mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia di samping membantu mengurangkan kos rawatan dan perubatan susulan penyakit yang berpunca daripada tabiat pemakanan yang tidak sihat dan tidak seimbang terutama kandungan gula berlebihan," kata Fuziah dalam satu kenyataan.

LAPORAN MUKA DEPAN



Kira-kira 3,500 restoran di bawah Presma dijangka menurunkan harga teh O dan kopi O tanpa gula sebanyak 10 sen bermula dua minggu lagi.



ABDUL MUKTHAHIR



FUZIAH

## ANGGARAN KANDUNGAN GULA DALAM MINUMAN POPULAR DI MALAYSIA

| MINUMAN (SEGELAS) | KANDUNGAN GULA |
|---|---|
| 1. Teh tarik | 4.5 sudu teh |
| 2. Teh O | 3.5 sudu teh |
| 3. Kopi | 4 sudu teh |
| 4. Kopi O | 3.5 sudu teh |
| 5. Milo kosong | 2 sudu teh |
| 6. Horlicks kosong | 5 sudu teh |
| 7. Sirap bandung | 6 sudu teh |
| 8. Soya cincau | 4 sudu teh |
| 9. Boba/teh susu | 3.5 sudu teh |
| 10. Kordial | 4 sudu teh |
| 11. Air kotak 250ml | 2 sudu teh |
| 12. Minuman soda 350ml | 7 sudu teh |
| • Satu sudu teh bersamaan | 5 gram gula |

Sumber: Homeage Malaysia

## 10 NEGARA PALING BANYAK MENGGUNAKAN GULA (PER KAPITA SETAHUN)

| | |
|---|---|
| 1. Barbados | 52.98kg |
| 2. Guatemala | 50.28kg |
| 3. Cuba | 49.94kg |
| 4. Belgium | 48.27kg |
| 5. Kiribati | 48.12kg |
| 6. Costa Rica | 46.27kg |
| 7. Trinidad & Tobago | 45.86kg |
| 8. Poland | 46.07kg |
| 9. Bahrain | 44.32kg |
| 10. New Zealand | 43.92kg |
| 15. MALAYSIA | 41.83kg |

Sumber: Worldpopulationreview.com

- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan pengambilan gula tidak melebihi 50 gram atau 10 sudu teh sehari. Namun purata seorang rakyat Malaysia mengambil 41.83 kilogram gula setahun iaitu bersamaan 114 gram atau 23 sudu teh sehari.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 3

# 'Price Catcher' app to help KPDN address sudden price hikes

CYBERJAYA: Communications Minister Fahmi Fadzil has urged members of Komuniti Madani to download the "Price Catcher" app to assist the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in addressing the issue of sudden price hikes.

He said that through the app, consumers can easily compare prices, and if they detect sudden increases in the prices of certain goods, Komuniti Madani can inform the district information officers serving their respective communities.

"Inform us about the products available in your area and any difficulties so that we can collaborate with KPDN to resolve the issue of rising prices.

"This is among the functions and duties of us as Komuniti Madani," he said to nearly 2,000 Komuniti Madani members during a session held in conjunction with the launch of the National Month and Fly the Jalur Gemilang 2024 campaign here Saturday.

Komuniti Madani are groups of volunteers made up of all races. They are governed by the Information Department (JaPeN) Developed by KPDN, the Price Catcher app displays the prices of 480 selected items in wet markets, hypermarkets, supermarkets, mini markets, and grocery stores that are monitored.

There are six categories of goods being monitored - fresh goods, dry goods, packaged items, milk and baby products, hygiene products and beverages.

Fahmi also hopes that Komuniti Madani can play a more serious role in monitoring prices, especially after the public sector wage increase in December.

Komuniti Madani was established in June last year and aims to enhance government communication effectiveness. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 2

# Aplikasi 'Price Catcher' bantu KPDN atasi kenaikan harga mendadak

CYBERJAYA: Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil menggesa Komuniti Madani untuk memuat turun aplikasi "Price Catcher" bagi membantu Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menangani masalah kenaikan harga barang yang mendadak.

Beliau berkata melalui aplikasi tersebut, pengguna boleh membuat perbandingan harga dengan mudah dan sekiranya mereka mengesan kenaikan mendadak ke atas harga barangan tertentu, Komuniti Madani boleh memaklumkan kepada pegawai penerangan daerah yang bertugas di komuniti masing-masing.

"Maklumkan di tempat masing-masing apa produk yang ada, apa kesukaran, supaya kita boleh bekerjasama dengan KPDN untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga barang.

"Inilah antara fungsi dan tugas kita sebagai komuniti Madani," katanya dalam pertemuan dengan kira-kira 2,000 ahli Komuniti Madani dalam satu sesi bersempena majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, di sini, Ahad.

Aplikasi Price Catcher yang dibangunkan oleh KPDN itu memaparkan harga 480 barangan terpilih di pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit yang dipantau.

Terdapat enam kategori barangan yang dipantau iaitu barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus, susu dan barangan bayi, produk kebersihan serta minuman.

Fahmi turut berharap Komuniti Madani yang merupakan badan sukarela daripada pelbagai kaum dan latar belakang itu dapat memainkan peranan lebih serius dalam memantau harga barang, terutama selepas kenaikan gaji penjawat awam pada Disember nanti.

Komuniti Madani yang ditadbir urus oleh Jabatan Penerangan Malaysia ditubuhkan sejak Jun tahun lepas berperanan membantu menggerakkan komunikasi kerajaan dengan lebih berkesan.

Program Pemukiman Komuniti Madani merupakan program bicarawara secara santai dalam memperkasakan kefahaman, dasar, inisiatif, hala tuju dan strategi kerajaan dengan menghimpunkan ahli Komuniti Madani di Semenanjung Malaysia.

Sambutan Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2024 yang berkonsepkan karnival rakyat itu bermula 9 pagi hingga 4.30 petang, dengan pelbagai program disediakan bagi mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat menuju Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2024. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online
HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 7

# Muat turun aplikasi 'Price Catcher' untuk bantu KPDN atasi kenaikan harga mendadak

CYBERJAYA: Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil menggesa Komuniti MADANI untuk memuat turun aplikasi "Price Catcher" bagi membantu Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menangani masalah kenaikan harga barang yang mendadak.

Beliau berkata melalui aplikasi tersebut, pengguna boleh membuat perbandingan harga dengan mudah dan sekiranya mereka mengesan kenaikan mendadak ke atas harga barangan tertentu, Komuniti MADANI boleh memaklumkan kepada pegawai penerangan daerah yang bertugas di komuniti masing-masing.

"Maklumkan di tempat masing-masing apa produk yang ada, apa kesukaran, supaya kita boleh bekerjasama dengan KPDN untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga barang.

"Inilah antara fungsi dan tugas kita sebagai komuniti MADANI," katanya dalam pertemuan dengan kira-kira 2,000 ahli Komuniti MADANI dalam satu sesi bersempena majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, di sini hari ini.

Aplikasi Price Catcher yang dibangunkan oleh KPDN itu memaparkan harga 480 barangan terpilih di pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit yang dipantau.

Terdapat enam kategori barangan yang dipantau iaitu barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus, susu dan barangan bayi, produk kebersihan serta minuman.

Fahmi turut berharap Komuniti MADANI yang merupakan badan sukarela daripada pelbagai kaum dan latar belakang itu dapat memainkan peranan lebih serius dalam memantau harga barang, terutama selepas kenaikan gaji penjawat awam pada Disember nanti.

Program Pemukiman Komuniti MADANI merupakan program bicarawara secara santai dalam memperkasakan kefahaman, dasar, inisiatif, hala tuju dan strategi kerajaan dengan menghimpunkan ahli Komuniti MADANI di Semenanjung Malaysia.

Sambutan Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2024 yang berkonsepkan karnival rakyat itu bermula 9 pagi hingga 4.30 petang, dengan pelbagai program disediakan bagi mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat menuju Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2024.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual merasmikan sambutan itu pada pukul 3 petang. — Bernama

Utusan Sarawak

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 19

# 'Price Catcher': Bantu atasi kenaikan harga mendadak

**CYBERJAYA**: Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil menggesa Komuniti MADANI untuk memuat turun aplikasi 'Price Catcher' bagi membantu Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menangani masalah kenaikan harga barang yang mendadak.

Beliau berkata melalui aplikasi tersebut, pengguna boleh membuat perbandingan harga dengan mudah dan sekiranya mereka mengesan kenaikan mendadak ke atas harga barangan tertentu, Komuniti MADANI boleh memaklumkan kepada pegawai penerangan daerah yang bertugas di komuniti masing-masing.

"Maklumkan di tempat masing-masing apa produk yang ada, apa kesukaran, supaya kita boleh bekerjasama dengan KPDN untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga barang.

"Inilah antara fungsi dan tugas kita sebagai komuniti MADANI," katanya dalam pertemuan dengan sekitar 2,000 ahli Komuniti MADANI dalam satu sesi sempena majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, di sini semalam.

Aplikasi Price Catcher yang dibangunkan oleh KPDN itu memaparkan harga 480 barangan terpilih di pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit yang dipantau.

Terdapat enam kategori barangan yang dipantau iaitu barangan segar, barangan kering, barangan berbungkus, susu dan barangan bayi, produk kebersihan serta minuman.

Fahmi turut berharap Komuniti MADANI yang merupakan badan sukarela daripada pelbagai kaum dan latar belakang itu dapat memainkan peranan lebih serius dalam memantau harga barang, terutama selepas kenaikan gaji penjawat awam pada Disember nanti.

Komuniti MADANI yang ditadbir urus oleh Jabatan Penerangan Malaysia ditubuhkan sejak Jun tahun lepas berperanan membantu menggerakkan komunikasi kerajaan dengan lebih berkesan.

Program Pemukiman Komuniti MADANI merupakan program bicarawara secara santai dalam memperkasakan kefahaman, dasar, inisiatif, hala tuju dan strategi kerajaan dengan menghimpunkan ahli Komuniti MADANI di Semenanjung Malaysia.

Sambutan Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2024 yang berkonsepkan karnival rakyat itu bermula 9.00 pagi hingga 4.30 petang, dengan pelbagai program disediakan bagi mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat menuju Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2024. -Bernama



**SWAFOTO...** Fahmi Fadzil berswafoto bersama orang ramai pada program Permukiman Komuniti MADANI sempena majlis pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024, semalam. -Foto BERNAMA

Utusan Sarawak

HARI: ISNIN

TARIKH: 22/7/2024

M/SURAT: 20

# Kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' diperkenalkan

**PUTRAJAYA:** Kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' akan diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan amalan pemakanan sihat melalui pengurangan pengambilan gula dalam diet harian.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh berkata, beliau telah mengadakan sesi libat urus bersama persatuan restoran dan wakil industri kelmarin bagi merangka kempen tersebut.

Antara yang terlibat dalam sesi libat urus itu adalah Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS), Persatuan Am Pemilik Kedai Kopi Malaysia Singapura (MSCSPGA) dan Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA).

"Inisiatif ini dirangka khusus bagi mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia di samping membantu mengurangkan kos rawatan dan perubatan susulan penyakit yang berpunca daripada tabiat pemakanan yang tidak sihat dan tidak seimbang terutama kandungan gula berlebihan," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) prihatin terhadap laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 yang mendapati satu daripada enam orang dewasa atau 15.6 peratus daripada populasi orang dewasa di negara ini didiagnosikan sebagai penghidap penyakit diabetes.

Sehubungan itu katanya, KPDN komited untuk memulakan beberapa langkah preventif dari sekarang bermula di peringkat pengguna dan pengusaha makanan bermasak.

Menurutnya, kempen tersebut akan diumumkan secara rasmi dalam masa terdekat. -Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 4






安华（中）出席2024年国庆月和挥舞辉煌条纹活动，左起哈里斯、莫哈末纳西和阿米鲁丁；右起莫哈末法乌兹、张念群和法米。（马新社图）

## 法米：採果斷行動

# 堅決對付社媒亂象

（吉隆坡21日讯）通讯部长法米重申政府在解决社交媒体相关问题上的坚定立场，包括假新闻泛滥、网络诈骗以及网络霸凌等问题。

他今日出席2024年国庆月和挥舞辉煌条纹推介礼致词时，指示大马通讯及多媒体主席丹斯里莫哈末沙林采取果断的行动，防止这些充斥着社交媒体的问题进一步升级。

他说，社交媒体平台对人们的束缚日益严重，包括传播假新闻、遭遇诈骗，甚至最近因网络霸凌所导致的的自杀事件。

"从现在开始，所有社交媒体平台都必须承担责任，我们将在未来几天采取果断的行动，让我们共同努力，确保安全，特别是儿童和家庭的安全。"

### 昌明社区助传递准确资讯

他说："请放心，政府的目标是让我们的互联网不仅更实惠、更便捷，而且对每个人都更安全。"

法米说，昌明社区有必要善用与新闻局的现有关系，协助全国政府机关向民众传递准确的资讯，并宣传政府的议程。

法米也是团结政府发言人。他说，昌明社区在传递资讯方面起到很大作用。

"昌明社区的朋友们，继续按照国家元首苏丹依布拉欣的谕旨，收集人民面临的问题，以助我们政府努力减轻人民的生活负担。"

### 国家经济指标令人鼓舞

谈到经济方面，法米说，国家经济指标继续令人鼓舞和乐观，大马今年的国内生产总值增长预计能超过最初预测的4至5%。

他说，统计局预测国民经济将在2024年次季增长5.8%，高于上一季度的4.2%。

他指出，大马也走在吸引更多投资和贸易的正轨上，最近惠誉大通在近6年后将大马的评级从减持上调至中性，证明政府持续努力推行改革，激发新的投资者信心。

## "Price Catcher"可貨比三家

法米促请昌明社区下载"Price Catcher"应用程式，消费时可货比三家，助国内贸易及生活成本部解决物价急涨上涨问题。

他说，通过"Price Catcher"，用户可轻松比较价格，如果他们发现某些商品的价格突然上涨，昌明社区可透过该应用程式向各自社区值班的县新闻官投报。

"告知各地有哪些商品，有面对哪些难题，以便我们与内贸部一起解决商品价格上涨的问题。

"这是我们身为昌明社区的职能和职责之一。"

由内贸部开发的Price Catcher应用程式，显示受到监督的湿货巴刹、霸级市场、超市、迷你超市和杂货店480种特定商品的价格。

Price Catcher共有受监督的6组商品分类，即生鲜、干货、包装商品、牛奶与婴儿用品、卫生产品和饮品。

## 隆最危險旅遊城第5名
## "特定網站誇大其詞"

另一方面，询及有媒体将吉隆坡评为东盟最危险的旅游城市第五名，法米说："根据我们的了解，其数据只有一个来源。我认为，这已被特定媒体刻意夸大，不是官方媒体或主流媒体（报道），而是一些网站。"

"我认为，这只是一些人的看法，我们都认为，根据事实，来马的游客没有减少，反而每年都在增加，包括今年，这证明了那只是看法，不是事实。"

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 3

# 2碗東炎28元貴嗎？

## 餐館沒標價 價格引熱議

（双溪大年21日讯）2碗“东炎”（Tomyum）售价28令吉，贵吗？

一名外地人前来双溪大年某家菜单没有标价的餐馆用餐后，对于2碗“东炎”售价28令吉感到惊讶。

这名网友以匿名方式，将位于佳乡岭城镇的餐馆收据及菜单分享到社交媒体脸书时指出，他是于周六晚上到该餐厅，当时他点的是2人份的“东炎”，结果店员给他送来了2碗。

“当时我即刻向店员表示我们只要一碗2人份的东炎，可是店员说已经煮了，不能退。”

### 餐馆菜单没标价

他指出，餐馆除了菜单没有标价，东炎的用料也不新鲜，他最终也没有吃完那碗东炎，然后把另一碗打包。

“我就是奇怪，双溪大年的东炎都卖这么贵吗？”

根据这名匿名者分享的单据显示，2碗“东炎”28令吉，一盘辣椒鸡肉9令吉，再加上2人吃的3碗白饭、一杯白开水，合共44令吉。

“我们吃了3碗白饭，并不是因为东炎很好吃，而是我们今天只是吃过早餐，已经饿了一天。”

他的分享引起众多网友关注，网友指出，双溪大年的“东炎”普通一碗7至8令吉，至于没有标价问题，网友鼓励网民向国内贸易及生活成本部举报。（CSH/GN）



■双溪大年某餐馆2碗“东炎”要价28令吉，外地男子喊贵。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 6

# 法米吁下載Price Catcher
# 貨比三家解決物價上漲

（赛城21日讯）通讯部长法米吁请昌明社区下载“Price Catcher”应用程式，消费时便可货比三家，助国内贸易及生活费部解决物价急剧上涨的问题。

他配合2024年国庆月和挥舞辉煌条文推介礼举行的昌明社区活动发表谈话指出，通过“Price Catcher”，用户可轻松比较价格，如果他们发现某些商品的价格突然上涨，昌明社区可透过应用程式向各自社区值班的县新闻官投报。



■法米（右）吁请民众下载“Price Catcher”应用程式，便可货比三家和助国内贸易及生活费部解决物价急剧上涨的问题。

## 监督6组商品分类

他说，通过此程式可告知各地有哪些商品、面对哪些难题，以便我们与内贸部一起解决商品价格上涨的问题。这是身为昌明社区的职能和职责之一。

由内贸部开发的Price Catcher应用程式，显示受到监督的湿货巴刹、霸级市场、超市、迷你超市和杂货店480种特定商品的价格。

Price Catcher共有受监督的6组商品分类，即生鲜、干货、包装商品、牛奶与婴儿用品、卫生产品和饮品。

法米希望，昌明社区作为由各社会背景和族群组成的志愿者团体，能更认真发挥监督物价的作用，尤其公务员将在12月调薪之际。

自去年6月设立的昌明社区由新闻局管理，旨在协助政府更有效与社会沟通。而昌明社区聚会旨在汇聚大马半岛昌明社区成员，增强对于政府政策、倡议、方针和战略的理解。（TKM）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மலேசிய நண்பன்

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 1

### விலை உயர்வை அடையாளம் காண

# ‘பிரைஸ் கெட்சர்’ செயலி





சைபர்ஜெயா, ஜூலை 22-
நாட்டில் குறிப்பிட்ட சில வியாபாரிகள் பொருட்களை அதிக விலைக்கு விற்பனை செய்வதை அடையாளம் காண பொது மக்களுக்கு உதவும் வகையில் 'பிரைஸ் கெட்சர்' எனப்படும் விலையை அடையாளம் காட்டும் செயலியைப் பதிவிறக்கம் செய்து கொள்ளலாம் என தொடர்புத்துறை அமைச்சர் ஃபாமி ஃபட்ஸில் கூறினார்.

மேற்குறிப்பிட்ட வியாபாரிகளை அடையாளம் காண்பதற்கு உள்நாட்டு வாணிப, வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை அமைச்சுக்கு

13

## முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

**விலை உயர்வை ...**

உதவும் வகையில் பொதுமக்கள இந்தச் செயலியைப் பதிவிறக்கம் செய்து கொள்ளலாம் என அவர் தெரிவித்தார்.
நாட்டில் குறிப்பிட்ட சில இடங்களில் பொருட்கள் அதிக விலைக்கு விற்பனை செய்யப்பட்டால் நாடு முழுவதிலும் உள்ள தகவல் நிலைய அதிகாரிகளிடம் புகார் செய்யலாம் என அவர் பொதுமக்களைக் கேட்டுக் கொண்டார்.
இந்தச் செயலி மூலம் பொதுமக்கள் அனைத்துப் பொருட்களின் விலையையும் ஒப்பிட்டுப் பார்க்க முடியும் எனவும் அவர் கூறினார்.
குறிப்பிட்ட இடங்கள் பொருட்கள் கிடைப்பதற்கு சிரமமாக உள்ளது என்பது குறித்து மடானி சமூக உறுப்பினர்கள் இதன்மூலம் தகவல் கொடுக்க முடியும்.
இதன்வழி இப்பிரச்சினைக்குத் தீர்வு காண நாம் உள்நாட்டு வாணிப, வாழ்க்கை செலவினத்துறை அமைச்சுக்கு உதவ முடியும் எனவும் அவர் கூறினார். மடானி சமூகத்தின் பிரதான பணியாக இது அமையும் எனவும் அவர் தெரிவித்தார்.

நேற்று இங்கு 2024ஆம் ஆண்டின் தேசியக் கொடியைப் பறக்க விடும் நிகழ்ச்சியில் சுமார் 2 ஆயிரம் மடானி சமூக உறுப்பினர்களைச் சந்திக்கும் நிகழ்ச்சியில் உரையாற்றும்போது அவர் இவ்வாறு தெரிவித்தார்.
அரசாங்கம் 6 விதமான பொருட்களின் விலையை அணுக்கமாகக் கண்காணித்து வருகிறது. அவற்றுள் சமைக்கப்படாத பொருட்கள், உலர்ந்த பொருட்கள், பொட்டலமாக விற்பனை செய்யப்படும் பொருட்கள், மாவு, குழந்தைகளுக்கான பொருட்கள், சுகாதாரப் பொருட்கள் உட்பட பானங்களும் அடங்கும் என அவர் தெரிவித்தார். இதனிடையே வரும் டிசம்பர் மாதம் நாட்டிலுள்ள அரசாங்க ஊழியர்களின் ஊதியம் உயர்த்தப்பட்ட பின்னர் பொருட்களின் விலை வேண்டுமென்றே உயர்த்தப்படாமல் இருப்பதை உறுதிப்படுத்துவதற்கு தொண்டூழிய முறையில் செயல்பட்டு வரும் மடானி சமூக உறுப்பினர்கள் இன்னும் விவேகத்துடன் செயலாற்ற வேண்டும் எனவும் அவர் கேட்டுக் கொண்டார். கடந்த ஆண்டு ஜூன் மாதம் தொடங்கப்பட்ட இந்த மடானி சமூக நிர்வாகம் தகவல் இலாகா கீழ் செயல்பட்டு வருகிறது. அரசாங்கத்திற்கும் மக்களுக்கும் நல்லதொரு தொடர்பை ஏற்படுத்துவதற்காக

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மலேசிய நண்பன்

HARI: ISNIN
TARIKH: 22/7/2024
M/SURAT: 1



புத்ராஜெயா, ஜூலை 22- நாட்டு மக்கள் தன் தோறும் குறைவான சீனியைப் பயன்படுத்தி ஆரோக்கியமான வாழ்வதை உறுதிப்படுத்தும் வகையில் சீனியையும் அதன் விளைவையும் குறைக்கும் பிரச்சாரம் ஒன்றை அரசாங்கம் விரைவில் தொடங்கும் என உள்நாட்டு வாணிப, வாழ்க்கைச் செலவினத்துறை துணை அமைச்சர் ஃபுசியா சாலே கூறினார்.

இப்பிரச்சாரத்தை மேற்கொள்வதற்கு நாம்

# சீனியைக் குறைக்கும் பிரச்சாரம்

நாட்டிலுள்ள உணவக உரிமையாளர் சங்கம் உட்பட தொழில்துறைப் பிரதிநிதிகளுடன் நேற்று கூட்டம் நடத்தியதாக அவர் தெரிவித்தார்.

13

முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

**சீனியைக் குறைக்கும் பிரச்சாரம்...**

இக்கூட்டத்தில் பிரிமாஸ் எனப்படும் மலேசிய இந்திய உரிமையாளர் சங்கம், மலேசிய - சிங்கப்பூர் காப்பிக்கடை உரிமையாளர் சங்கம், பிரெஸ்மா எனப்படும் மலேசிய இந்திய முஸ்லிம் உணவக உரிமையாளர் சங்கம் ஆகியவை கலந்து கொண்டதாக அவர் தெரிவித்தார்.

நாட்டில் மக்கள் அதிகச் சீனியை உட்கொண்ட பின்னர் எதிர்நோக்கி வரும் பல்வேறு நோய்கள் உட்பட அவர்களின் சிகிச்சை செலவுகளைக் குறைக்கும் அதேவேளையில் மக்கள் ஆரோக்கியமாகவும் சுகாதாரத்துடனும் வாழ்வதை உறுதிப்படுத்த இந்நடவடிக்கை எடுக்கப்பட்டதாக நேற்று வெளியிட்ட ஓர் அறிக்கையில் அவர் கூறினார்.

இந்நாட்டில் ஒவ்வோர் அறுவரில் ஒருவர் அல்லது பெரியவர்களுள் 15.6 விழுக்காட்டினர் நீரிழிவு நோயால் பாதிக்கப்பட்டுள்ளதாக 2023ஆம் ஆண்டுக்கான தேசிய சுகாதார நோய்க் கட்டுப்பாட்டு அறிக்கை கூறியுள்ளதாகவும் துணை அமைச்சர் தெரிவித்தார்.

இப்பிரச்சாரம் விரைவில் அதிகாரப்பூர்வமாகத் தொடங்கப்படும் எனவும் அவர் கூறினார்.



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Fomca gesa libatkan KKM dan KPM

Kempen kurangkan gula belum berjaya meskipun sudah 60 tahun merdeka, kata Fomca



"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kena libatkan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Kesihatan (KKM). Ia kena jadi agenda negara, bukan agenda KPDN semata-mata."

- N Marimuthu

SHAH ALAM

LAPORAN MUKA DEPAN

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menggesa kerajaan menjadikan kempen Kurang Gula, Kurang Harga sebagai satu agenda negara bagi memastikan objektifnya kali ini benar-benar tercapai.

Presidennya, Datuk Dr N Marimuthu berkata, ini kerana usaha kerajaan sejak 60 tahun lalu untuk mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan rakyat belum menjadi kenyataan sehingga sekarang.

"Sudah 60 tahun lalu kita cuba nak kurangkan gula tapi tak mampu. Jadi jangan syok sendiri. Nak buat kempen, ia kena menyeluruh dan dilakukan secara bersepadu oleh semua kementerian.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kena libatkan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Kesihatan (KKM). Ia kena jadi agenda negara, bukan agenda KPDN semata-mata," katanya kepada *Sinar Harian*.

Marimuthu menegaskan, kempen yang diadakan secara menyeluruh berkenaan akan dapat membantu menangani masalah pengambilan gula berlebihan yang menyebabkan berlakunya peningkatan kes kencing manis.

"Tujuan utama kita ialah mahu kesihatan rakyat terjamin dan rakyat amalkan budaya kurangkan manis dalam diet harian mereka," ujarnya.

Bagaimanapun, Marimuthu enggan mengulas lanjut berhubung penurunan harga yang akan diberikan peniaga terhadap pengurangan penggunaan gula dalam makanan dan minuman.

"Lazimnya di dunia ini mana ada harga (barang) turun, ia (pengurangan harga) mungkin susah nak berjaya sebab misalnya nak buat kuih bukan guna gula semata-mata, ada bahan lain lagi seperti minyak masak, tepung dan bawang," katanya.

Untuk rekod, KKM pernah menjalankan beberapa inisiatif bagi mendidik rakyat supaya mengurangkan pengambilan gula. Ini termasuk melalui Kempen Cara Hidup Sihat, bermula pada tahun 1991.

Pada tahun 1998, Kempen Kurangkan Gula telah dijalankan secara intensif dan diteruskan dari masa ke masa.

Tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua kementerian dan agensi kerajaan melaksanakan kempen kurangkan gula berikutan Malaysia kini merekodkan bilangan penghidap diabetes paling tinggi di Asia.

Beliau berkata, laporan menyatakan Malaysia paling tinggi mempunyai penghidap kencing manis atau diabetes di Asia dan perkara berkaitan kesihatan bukan lagi peranan sepenuhnya Kementerian Kesihatan.

Sehubungan itu, Anwar mahu semua kementerian termasuk Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha supaya melaksanakan kempen kurangkan manisan gula.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 22 JULAI 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 22-Jul | Gudang, rumah simpan barang kosmetik tiruan diserbu | https://www.sinarharian.com.my/article/675835/berita/semasa/gudang-rumah-simpan-barang-kosmetik-tiruan-diserbu | SINAR HARIAN |
| 22-Jul | Gudang, rumah simpan barang kosmetik tiruan diserbu | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gudang-rumah-simpan-barang-kosmetik-tiruan-diserbu-479698 | ASTRO AWANI |
| 22-Jul | KPDN Perak serbu perusahaan kacang putih guna logo halal palsu | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perak-serbu-perusahaan-kacang-putih-guna-logo-halal-palsu/ | BULETIN TV3 |
| 22-Jul | KPDN Perak serbu premis makanan ringan guna logo halal tidak sah | https://www.sinarharian.com.my/article/675871/berita/semasa/kpdn-perak-serbu-premis-makanan-ringan-guna-logo-halal-tidak-sah | SINAR HARIAN |
| 22-Jul | Guna logo halal tidak sah, lebih 450 bungkusan makanan ringan disita | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/guna-logo-halal-tidak-sah-lebih-450-bungkusan-makanan-ringan-disita | BERITA RTM |
| 22-Jul | Premis jual muruku guna logo halal tidak sah di Buntong terbongkar | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/premis-jual-muruku-guna-logo-halal-tidak-sah-di-buntong-terbongkar-479710 | ASTRO AWANI |
| 22-Jul | Premis makanan ringan, kacang putih diserbu, disyaki guna logo halal palsu | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1112859/premis-makanan-ringan-kacang-putih-diserbu-disyaki-guna-logo-halal-palsu | HARIAN METRO |
| 22-Jul | KPDN PERAK SITA LEBIH 400 BUNGKUSAN MAKANAN RINGAN GUNA LOGO HALAL TIDAK SAH | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2319457 | BERNAMA |
| 22-Jul | KPDN Pahang serbu tujuh premis, rampas barang tiruan berjenama | https://www.sinarharian.com.my/article/675852/berita/semasa/kpdn-pahang-serbu-tujuh-premis-rampas-barang-tiruan-berjenama | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 22-Jul | KPDN Pahang tahan tiga individu disyaki jual barangan tiruan | https://malaysiagazette.com/2024/07/19/kpdn-pahang-tahan-tiga-individu-disyaki-jual-barangan-tiruan/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 22-Jul | KPDN Pahang serbu premis jual barang berjenama tiruan, 3 lelaki ditahan | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1112935/kpdn-pahang-serbu-premis-jual-barang-berjenama-tiruan-3-lelaki-ditahan | HARIAN METRO |
| 22-Jul | Arun Spices nafi kilang diserbu KPDN, miliki sijil halal sejak 2018 | https://malaysiagazette.com/2024/07/19/arun-spices-nafi-kilang-diserbu-kpdn-miliki-sijil-halal-sejak-2018/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 22-Jul | Nafi kilang diserbu KPDN, JHEAIPP gara-gara logo halal | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/07/nafi-kilang-diserbu-kpdn-jheaipp-gara-gara-logo-halal/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 22-Jul | KPDN TO INTRODUCE 'KURANG GULA, KURANG HARGA' CAMPAIGN SOON – FUZIAH | https://malaysiantribune.com/kpdn-to-introduce-kurang-gula-kurang-harga-campaign-soon-fuziah/ | MALAYSIAN TRIBUNE |
| 22-Jul | Aplikasi 'Price Catcher' bantu KPDN menangani kenaikan harga barang | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/aplikasi-price-catcher-bantu-kpdn-menangani-kenaikan-harga-barang | BERITA RTM |
| 22-Jul | Muat turun aplikasi 'Price Catcher' untuk bantu KPDN atasi kenaikan harga mendadak | https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/21/muat-turun-aplikasi-price-catcher-untuk-bantu-kpdn-atasi-kenaikan-harga-mendadak | UTUSAN BORNEO |
| 22-Jul | Download 'Price Catcher' app to help KPDN address sudden price hikes - Fahmi | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/07/1079569/download-price-catcher-app-help-kpdn-address-sudden-price-hikes-fahmi | NEW STRAITS TIMES |
| 22-Jul | Muat turun 'Price Catcher' bantu KPDN kesan kenaikan harga mendadak | https://www.kosmo.com.my/2024/07/21/muat-turun-price-catcher-bantu-kpdn-kesan-kenaikan-harga-mendadak/ | KOSMO |
| 22-Jul | Muat turun aplikasi 'Price Catcher' untuk bantu KPDN atasi kenaikan harga mendadak - Fahmi | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/muat-turun-aplikasi-price-catcher-untuk-bantu-kpdn-atasi-kenaikan-harga-mendadak-fahmi-480004 | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT